



اوتنور سيكي مليسيا هنج السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

PENGUMUMAN RASMI

BILANGAN 5 TAHUN 2024

**PENANGGUHAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)
PADA 19 OGOS 2024 (ISNIN)**

Assalamualaikum w.b.t dan selamat sejahtera,

Kepada semua Fakulti/Pusat Pengajian, pensyarah dan pelajar UMPSA.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Pelancaran dan Penyerahan Jalur Gemilang Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-67 Peringkat Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Tahun 2024 akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 19 Ogos 2024 (Isnin)
Masa : 8:00 pagi – 12:00 tengah hari
Tempat : Kompleks Sukan, UMPSA Gambang

3. Sehubungan itu, pihak Pengurusan UMPSA telah bersetuju untuk memberi kebenaran penangguhan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pada **19 Ogos 2024 (Isnin)** kepada semua pelajar seperti berikut:

KAMPUS	WAKTU PENANGGUHAN KULIAH
UMPSA Pekan	8:00 pagi hingga 2:00 petang
UMPSA Gambang	8:00 pagi hingga 12:30 tengah hari

4. Penangguhan aktiviti PdP ini bagi membolehkan semua pelajar menghadiri Majlis Pelancaran dan Penyerahan Jalur Gemilang Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-67 Peringkat UMPSA Tahun 2024. Justeru itu, para pensyarah yang terlibat hendaklah merancang PdP gantian pada waktu yang bersesuaian selepas pada tarikh tersebut.

5. Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak Fakulti/Pusat Pengajian, semua pensyarah dan pelajar dalam mengambil maklum dan menyelaraskan tindakan berkaitan perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwil Akademik dan Antarabangsa)
12 Ogos 2024

